

Abdullah mahu Barat hindari *Islamophobia*

um-13/9/2006

Daripada ZAINI HASSAN

HELSINKI 12 Sept. - Di saat-saat dunia sedang mengingati peristiwa 11 September serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia di New York, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan Barat supaya tidak membenarkan politik ketakutan menguasai pemikiran mereka terhadap orang Islam.

Perdana Menteri berkata, *Islamophobia* - ketakutan kepada Islam - harus ditolak daripada menguasai hubungan antara rakyat dan negara serta jurang kejahilan antara dunia Barat dan dunia Islam harus disambung semula.

"Saya sedar kita bertemu hari ini semasa ulang tahun 11 September, tapi jangan benarkan politik ketakutan ini menguasai hubungan antara dunia Barat dan Islam," katanya semasa menyampaikan ucapan pada sesi Dialog Antara Budaya dan Peradaban di Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-6 di sini, lewat petang semalam.

ASEM ialah dialog peringkat tertinggi kerajaan membatik dua benua itu diadakan setiap dua tahun sekali.

Sambil mengambil contoh pengalaman Malaysia, Abdullah berkata di hadapan 39 pemimpin dunia, rakyat negara itu menjadi lebih menghargai erti toleransi dan harmoni dalam masyarakat pelbagai kaum setelah mengalami pengalaman pahit perselisihan kaum 1969.

"Kami yakin punca akar umbinya adalah akibat ketidak-samaan dari segi penguasaan ekonomi antara masyarakat dan usaha membetulkannya dilakukan. Kami juga menekankan pentingnya pelajaran kerana ia menjamin kejayaan, kemajuan dan kesedaran.

"Oleh itu kami yakin, dengan kesungguhan politik, pengalaman seperti Malaysia boleh diulang dalam bentuk yang lebih besar.

"Jika kita boleh melihat dunia ini sebagai satu komuniti, merangkumi pelbagai etnik dan kumpulan agama, dan belajar daripada pengalaman dan pengorbanan mereka, saya percaya kita akan berada atas landasan bagi mewujudkan keamanan di antara perbezaan budaya dan peradaban di dunia ini," katanya.

Antara pemimpin besar yang mendengar ucapan Abdullah ialah 25 ketua kerajaan Eropah termasuk Presiden Perancis, Jacques Chirac; Presiden Finland, Tarja Halonen serta 11 pemimpin Asia termasuk Perdana Menteri China, Wen Jiabao Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi dan Presiden Korea, Roh Moo Hyun.

Menurut Abdullah, ASEM merupakan forum yang sesuai bagi membincangkan isu itu kerana sebagai pemimpin politik yang memimpin dialog ini, ia lebih mudah meresap ke peringkat masyarakat yang lain.

Katanya, kepercayaan dan keyakinan harus diterapkan bukan sahaja di peringkat pemimpin politik antarabangsa,



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan kakitangan Kedutaan Malaysia serta anggota keluarga mereka pada majlis makan malam di Espoo, Finland, semalam. Turut hadir Duta Malaysia ke Finland, Syed Sultan Idris (kiri).

- Gambar Bernama

tetapi juga di peringkat pemimpin agama, orang awam, pemikir, pendidik dan belia.

"Tetapi pertama, kami harus menerima hakikat bahawa krisis keyakinan yang saya rujuk itu menjangkau agama. Ketidaktoleransian agama menggambarkan satu manifestasi kepada perpecahan akibat perbezaan pendapat antara Barat dan Muslim," jelasnya.

Katanya, tindakan ketenteraan terhadap Palestin, Afghanistan, Iraq dan terbaru Lebanon telah dilakukan atas nama perang terhadap keganasan.

"Tetapi dunia Islam melihat ia sebagai sesuatu yang memalukan negara-negara Islam dan masyarakatnya. Kita harus menerima hakikat bahawa rasa percaya dan yakin ini adalah akibat hilangnya rasa percaya dan yakin. Jika kita tidak menerima hakikat ini, kita akan menafikan kebena-

ran dan perpecahan akibat perbezaan pendapat ini akan lebih mendalam," jelas beliau.

Merujuk kepada Malaysia lagi, Abdullah berkata, kerajaannya sedang melaksanakan program bagi menghargai Islam sebagai sesuatu yang baik.

"Kami memanggilnya sebagai pendekatan Islam Hadhari, satu pendekatan bagi mencapai kemajuan yang selari dengan pemodenan, tapi berakar kepada nilai-nilai murni dan mengikut ajaran Islam. Pendekatan itu telah diterima oleh semua pihak di Malaysia kerana ia menjamin keadilan dan kesaksamaan kepada semua penganut," katanya.

Bagaimanapun, apa yang beliau khuatiri ialah pihak Barat tidak menghargai peranan agama dalam kehidupan umat Islam.

- Utusan